

06/06/2000

Bicara Ketua Pemuda Keadilan ditangguh 28 Ogos

KUALA LUMPUR, Isnin - Perbincaraan kes Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd Noor, yang didakwa memiliki dokumen mengandungi maklumat rahsia rasmi, ditangguhkan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini sehingga 28 Ogos ini.

Hakim Wan Arfah Wan Ibrahim membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Vong Poh Fah, supaya kes itu ditangguhkan kerana saksi utama tidak dapat menghadiri perbincaraan pada sepanjang minggu ini.

Vong memberitahu mahkamah, saksi berkenaan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, yang diberi kuasa mengikut undang-undang untuk menentukan dokumen berkaitan kes itu sebagai rahsia rasmi, kini berada di Mahkamah Rayuan kerana mengendalikan kes rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kes rayuan Anwar adalah berkaitan keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai saksi dalam perbincaraan kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Vong yang dibantu penolong pendakwa raya Abdul Rahman Redza, berkata rayuan kes Anwar itu telah ditetapkan untuk didengar minggu ini dalam notis yang singkat.

Mohamad Ezam, 33, dituduh memiliki dan memaklumkan kepada media dalam satu persidangan akhbar mengenai maklumat rahsia rasmi iaitu laporan siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu pada 6 November 1999 kira-kira jam 12.45 petang di ibu pejabat parti itu di nombor 101 dan 201, blok A Pusat Dagangan Phileo Damansara II, di sini.

Mohamad Ezam didakwa mengikut Seksyen 8(1)(i) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang membawa hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun atau tidak melebihi tujuh tahun.

Mohamad Ezam yang diwakili empat peguam diketuai oleh Raja Aziz Addruse, tidak membantah permohonan penangguhan itu. Peguam lain ialah Zainur Zakaria, Hasnal Rezua Merican dan Asraf Abdul Razak.

Mengenai permohonan pembelaan untuk mendapatkan dokumen berkaitan kes itu untuk tujuan pembelaan mereka, Vong memaklumkan mahkamah bahawa pembelaan boleh berbuat demikian tetapi setiap muka surat dokumen perlu dicatatkan sebagai diperolehi daripada pendakwa.

(END)